

09 MAY 2002

Mahathir- Petrokimia/I

DR MAHATHIR GESA USAHAWAN MELABUR DALAM INDUSTRI PETROKIMIA

KERTIH, 9 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa usahawan tempatan supaya merebut peluang untuk melabur dalam industri petrokimia di sini.

"Projek di Kertih telah menyediakan pelbagai ramuan utama bagi industri plastik, kimia dan petrokimia dilancarkan.

"Adalah suatu yang mengecewakan melihat usahawan tempatan masih menjauhkan diri dari Kertih," katanya semasa merasmikan Kompleks Industri Petroleum Petronas (PPIC) di sini.

Dr Mahathir berkata para usahawan hendaklah tampil memberikan sokongan dan keyakinan mereka terhadap peluang yang disediakan oleh industri petroleum dan petrokimia.

Katanya industri kecil dan sederhana (SMI), terutamanya kilang plastik, patut dipindahkan berdekatan dengan Kertih bagi memudahkan ia mengeksploit insentif yang disediakan kerajaan termasuk menjimatkan kos kerana adalah lebih murah untuk menjalankan perniagaan di pantai timur.

"Peluang pekerjaan bagi perniagaan untuk mengeksploit perniagaan pengeluaran hiliran petrokimia hanya akan terhad disebabkan keengganan dan halangan yang mereka letakkan sendiri bagi diri mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan persekutuan melalui agensi seperti Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (Mida) dan badan perniagaan seperti Persatuan Petrokimia dan Persatuan Pengeluar Plastik Malaysia telah berusaha menggalakkan dan mempromosi pelaburan dalam sektor itu.

"Malangnya, anak muda kita selalu tidak bersedia untuk mengorbankan kehidupan di bandar dan bekerja dalam kilang besar bertaraf dunia yang menggunakan teknologi begitu canggih. Mereka lebih suka bekerja di bandar dan pekan dan mencemuh cara kehidupan di kampung," katanya.

Beliau berkata ini adalah menyedihkan kerana kebanyakan anak muda tidak menyedari bahawa pembangunan di dalam dan sekitar Kertih adalah sebahagian daripada perancangan besar pembangunan negara.

Kerajaan dan rakyat, katanya, tidak mempunyai banyak pilihan untuk mencari peluang pada masa depan kerana keadaan ekonomi yang tidak menentu dan persaingan perdagangan akan menjadi lebih hebat.

Dr Mahathir berkata kira-kira RM70 bilion telah dilaburkan untuk mencarigali, membangunkan dan mengeluarkan minyak dan gas dari luar pesisir Semenanjung Malaysia termasuk mereka-bentuk, membina dan memulakan operasi loji minyak, gas dan petrokimia dan kemudahannya.

"Di perairan Kertih, terdapat 66 platform mengepam minyak dan gas yang beroperasi 24 jam setiap hari sejak kira-kira 20 tahun lepas.

"Berbilion pelaburan yang dibawa masuk ke loji-loji dan kemudahan di darat dan luar pesisir, telah menjana faedah terjamin kepada negara dari segi ekonomi dan sosial," katanya.

Beliau berkata eksport minyak dari Kertih meraih pendapatan RM6.6 bilion tahun lepas sementara eksport produk petroleum bertapis dari Kertih berjumlah hingga RM2.5 bilion.

Perdana Menteri berkata kilang petrokimia di sekitar Kertih menjana tukaran asing sehingga setengah bilion ringgit sementara import gantian bagi produk itu hampir kepada satu bilion ringgit.

"Tahun lepas sahaja, eksport petroleum dan petrokimia dari Kertih berjumlah RM7.9 bilion," katanya.

Dr Mahathir berkata PPIC di Kertih telah menjadi pusat nadi bagi industri petroleum dan petrokimia di negara ini yang juga menjadi tulang

belakang ekonomi Semenanjung Malaysia.

Katanya kompleks itu merupakan penghubung strategik kemudahan di luar pesisir bagi saluran paip gas, masing-masing berukuran melebihi 150km panjang dan saluran paip minyak sepanjang 200km, pemindahan minyak dan gas ke darat selama 24 jam.

"Hasil daripada pelaburan ini, lebih 70 peratus penjanaan elektrik negara kini menggunakan kuasa daripada gas dari Kertih," katanya.

Beliau berkata pembangunan besar di dalam dan sekitar Kertih telah mewujudkan peluang pekerjaan bagi rakyat di Terengganu serta ramai lagi di seluruh negara.

PPIC merupakan kompleks bersepadu bertaraf dunia yang menempatkan banyak kemudahan pengeluaran berasaskan petroleum bertaraf dunia yang termasuk loji penapisan minyak, bahagian pemeluwapan, enam loji memproses gas, 11 kilang petrokimia berasaskan gas, lima kemudahan sampingan, enam kemudahan sokongan dan 11 kemudahan lain bagi memenuhi keperluan di kompleks itu.

-- BERNAMA

MRA SN RON